

Cara Semula Jadi Untuk Atasi Gejala Sumbang Mahram

Katakan 'Tidak' kepada saudara berlawanan jantina yang menyentuh tubuh anda dengan niat mencabul dan memperkosa

Oleh AZMAN IBRAHIM

WALAU pun undang-undang dan peraturan di negara ini saban tahun akan diperketatkan bagi menegah seseorang individu daripada melakukan sumbang mahram ke atas saudaranya, nampaknya langkah mengetatkan undang-undang itu tidak ubah seperti mencurah air ke daun keladi. Usaha tersebut merupakan satu bentuk tindakan yang tidak mencukupi dan sia-sia. Mana tidaknya, jika hukuman ke atas pesalah rogol atau pelaku sumbang mahram dikenakan hukuman 'kasi' atau bunuh sekali pun, peristiwa yang sama akan tetap dilakukan oleh insan-insan tidak berhati perut yang lain.

Inilah masalah yang getir dan amat sukar untuk diterima oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita. Gejala sosial semakin menjadi-jadi manakala pelbagai isu yang 'tidak senonoh' akan terus melanda negara sehingga ia turut melanggar hak-hak kemanusiaan manusia itu sendiri.

Seorang pensyarah Psikologi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Fadya Asmah Bee Md. Noor berpendapat bahawa masalah sumbang

mahram tidak dapat dibendung dengan hanya memperketatkan undang-undang semata-mata. Katanya, perkara yang menjadi virus paling berbahaya kepada negara ini wajar dielakkan melalui kaedah-kaedah semula jadi di samping tidak mengenyepikan undang-undang iaitu melalui pencegahan dan penyekatan sejak awal lagi.

Gejala yang boleh mencederakan kanak-kanak seperti sumbang mahram wajar dipantau pada peringkat kanak-kanak lagi. Kanak-kanak perlu dilindungi dan dipantau dari semasa ke semasa serta

dididik agar mereka tidak disentuh dengan sewenang-wenangnya oleh manusia yang lebih dewasa. Inilah yang dikatakan sebagai semula jadi.

"Please say 'No' to them!... Don't touch me!... Go away!... dan banyak lagi perkataan-perkataan yang perlu diujarkan oleh kanak-kanak dan golongan wanita sekiranya mereka disentuh pada bahagian-bahagian kemaluan mereka.

"Mereka juga perlu dididik bahawa orang lain termasuk ahli keluarga tidak wajar menyentuh bahagian kemaluan mereka kecuali sekiranya mereka memerlukan rawatan perubatan yang berkaitan di pusat-pusat perubatan," kata Asmah.

uli atau menyentuh tubuh badan mereka dengan mudahnya.

Langkah ini dapat dibuktikan berkesan dan mesej yang ingin disampaikan kepada kanak-kanak tersebut adalah jelas. Mereka juga akan mengetahui tauladan atau sempadan, yang mana boleh atau tidak dilakukan terhadap mereka.

Di negara kita, pendekatan-pendekatan seperti itu perlu diambil kira bagi menyelamatkan maruah dan masa depan mereka. Maklumlah, golongan kanak-kanak dan wanita merupakan golongan yang tidak berkemampuan untuk mempertahankan diri mereka secara fizikal.

Terbaru, seorang bapa berusia 53 tahun dikenakan hukuman penjara selama 60 tahun setelah didakwa merogol dua anak kandungnya yang berusia 21 tahun dan 12 tahun di sebuah rumah di Taman Awam, Malim Nawar, Ipoh, Perak. Paling mengharukan ialah tertuduh sebenarnya merupakan seorang konstabel polis tambahan yang benar-benar memahami undang-undang dan peraturan negara. Namun, apa gunanya fahaman mengenai undang-undang negara sekiranya peraturan, hukum-hakam agama dan hak-hak manusia telah dilanggar olehnya sendiri. Dua anak gadisnya turut menjadi korban kepada nafsu liarnya.

Menurut Asmah, kepada wanita atau kanak-kanak, mereka perlu diajar supaya berhati-hati dengan saudara sendiri termasuklah bapa, datuk, ipar duai atau bapa saudara. Mereka juga perlu menaruh perasaan syak wasangka kepada golongan yang mempunyai pertalian darah sendiri bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan daripada berlaku.

"Sekiranya mereka cuba mencium pipi, peluk atau menyentuh mana-mana bahagian badan anda, sila jauhkan diri



Kanak-kanak perlu dilindungi dan disayangi sepanjang masa.

Di negara barat, terutamanya Amerika Syarikat, kanak-kanak di peringkat pra sekolah akan diajar supaya mempertahankan diri mereka secara halus melalui aktiviti lukisan pada waktu pembelajaran pendidikan seni di sekolah. Dalam mata pelajaran yang melibatkan lukisan dan pewarnaan, terdapat perkataan-perkataan larangan seperti 'Say no to them if they touch a certain part of your body easily' dan banyak lagi. Perkataan-perkataan larangan itu secara tidak langsung berjaya mendidik kanak-kanak agar mengatakan tidak kepada sesiapa yang cuba mencabul

daripada mereka dengan cara terhormat dan bersopan serta perlu sentiasa berada dalam keadaan berhati-hati demi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

"Kita bukannya mengajar anak-anak gadis berlaku kurang ajar atau menunjukkan jurang perhubungan sesama saudara mereka sendiri. Kita cuba mengelakkan perkara sumbang daripada terus berlaku. Kita semua manusia biasa, kalau tidak masakan wujud pepatah Melayu yang berbunyi 'Haruan Makan Anak', 'Harapkan Pagar, Pagar Makan Padi' serta lain-lain lagi," kata Asmah.

Golongan ibu merupakan pihak yang perlu menjadi mata dan telinga dalam sesebuah keluarga. Bukan sahaja maruah dan masa depan anak gadisnya perlu dipelihara ketika di luar rumah, malah turut diambil kira di dalam rumah dan sesama keluarga. Peranan si ibu tidak akan berkesudahan. Semua ibu berhak menghalang dan menghentikan perbu-

atan saudara lelaki atau suami yang cuba menyentuh mesra anak-anak gadisnya

Statistik Kes Rogol Malaysia

Tahun	Kes
2000	1,217
2001	1,388
2002	1,431
2003	1,479
JUMLAH	5,519

Perangkaan Kes Sumbang Mahram

Tahun	Kes
2000	136
2001	158
2002	46
JUMLAH	340

Pelaku Sumbang Mahram Mengikut Kategori (1999-Mac 2002)

Bapa	232
Bapa Saudara	144
Abang Kandung	54
Adik Kandung	1
Sepupu	42
Datuk	23
JUMLAH	496

yang telah meningkat dewasa atau yang telah mencapai peringkat akil baligh.

Ini kerana pada peringkat akil baligh, struktur fizikal dan bentuk tubuh badan anak-anak gadis akan berubah secara nyata dan ia juga secara tidak langsung berupaya menjadi bahan rangsangan nafsu kepada saudara lelaki sendiri. Cuma, perasaan terangsang itu sama ada dapat dibendung sepenuhnya atau pun tidak juga akan menjadi percaturan kepada nasib anak-anak gadis berkenaan.

"Golongan yang tidak segan silu mengadakan sumbang mahram ini sebenarnya mempunyai daya ilusi yang cukup kuat. Mereka ini sering menonton cakera padat video lucah, menyimpan gambar-gambar lucah dan menyaksikan adegan-adegan yang tidak senonoh di mana-mana sahaja sekiranya berkesempatan. Akhirnya, saudara sendiri pun dilihat sebagai bahan pemuas nafsu sendiri," kata Asmah. □

Peranan Ajaran Agama Dalam Masalah Inses

SEKIRANYA berlaku kejadian kes sumbang mahram, maka ramai di antara kita akan menyalahkan sistem, peranan pihak berkuasa, undang-undang dan banyak lagi. Namun, tidak pernahkah terlintas di fikiran kita bahawa agama dan faktor persekitaran sebenarnya merupakan satu-satunya ubat yang paling mujarab bagi menangani masalah yang tidak dapat dibendung dan tidak berkesudahan ini.

Terdapat pelbagai alasan mengapa kita perlu mencampuradukkan urusan agama dengan jenayah-jenayah sosial yang melanda di negara kita lebih-lebih lagi dalam kejadian sumbang mahram. Ini kerana pendidikan agama merupakan asas kepada larangan-larangan atau benteng kepada perlakuan yang melanggar batas-batas manusiawi ini.

Seorang penceramah bebas, Datuk Ahmad Irshadi Abdullah berkata, kebanyakan masyarakat Islam dan agama-agama lain tidak memahami erti dan konsep beragama yang sebenar-benarnya. Mereka tidak tahu menggunakan prinsip-prinsip asas agama bagi menghindari perkara mungkar daripada berlaku.

Ahmad Irshadi turut menjelaskan keyakinannya terhadap peranan agama yang berupaya menangkis permasalahan sosial ini kerana ia dapat diajar dan dididik sewaktu seseorang kecil lagi. Namun, kebanyakan daripada kita memahami konsep beragama hanya pada dasarnya, namun tidak secara intipati yang sebenar-benarnya.

"Adakah kita memahami setiap perlakuan yang merupakan rukun kepada agama? Pernahkah kita terfikir apa rasionalnya berwuduk, membuat amal kebajikan, erti apa itu dosa, pahala dan lain-lain lagi? Sekiranya kita berfikir secara

logik sekali pun, kita semestinya tidak akan melakukan perkara-perkara yang dilarang seperti menonton cakera padat video lucah, sengaja melihat susuk tubuh wanita yang berpakaian separuh bogel dan banyak lagi yang secara tidak langsung berupaya merangsang nafsu.

"Hasil daripada rangsangan ilusi yang bersifat haram itu, maka terdapat insan yang sanggup menggadaikan maruah anak kandung sendiri, saudara sendiri dan ahli keluarga sendiri bagi memenuhi tuntutan nafsu serakah yang cukup menggila ini," ujarnya.

Islam telah menggariskan beberapa panduan kepada umatnya agar menghindarkan pelbagai perkara yang tidak baik yang boleh berlaku di dalam rumah sendiri seperti mengasingkan tempat tidur saudara lelaki dan perempuan ketika telah mencapai akil baligh, mengehadkan perhubungan saudara lelaki dan perempuan dalam pergaulan seperti bersentuhan dan banyak lagi. Jadi, dalam setiap rumah masyarakat Islam, mereka perlu mengasingkan antara bilik lelaki dan perempuan. Di negara kita, kebanyakan rumah mempunyai tiga bilik tidur, maka peluang untuk mengasingkan bilik-bilik berdasarkan jantina boleh dilakukan bagi menghalang sumbang mahram daripada berlaku.

Ahmad Irshadi turut berpendapat bahawa adab berpakaian di dalam rumah sesama muhrim semestinya bersifat melindungi aurat seperti juga kehidupan di luar rumah. Dalam erti kata lain, anak-anak gadis yang semakin meningkat dewasa perlu menjaga adab kesopanan dan tatacara berpakaian mereka ketika berada di dalam rumah.

Pemangsa mereka mungkin berada dalam rumah sendiri di kalangan orang yang mereka kenali dan hormati. □